

**Parlimen: 'Drive Test' Dan FTTH Untuk Selesai Masalah Panggilan Terputus -  
Jailani  
Bernama  
3 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Sistem 'Drive Test' dan teknologi Fiber-ke-Rumah (FTTH) adalah antara rancangan yang dirangka untuk meminimakan masalah panggilan terputus atau lebih dikenali sebagai 'drop call' talian mudah alih dan meningkatkan khidmat capaian internet di negara ini.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari berkata kementerian bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan masalah liputan komunikasi di seluruh kawasan.

"Untuk menyelesaikan masalah 'drop call' terutama di lebuh raya kementerian telah melaksanakan 'drive test' di mana kenderaan khas diletakkan di kawasan tertentu sepanjang lebuh raya untuk mengenal pasti capaian perkhidmatan telekomunikasi yang paling tinggi di kawasan itu.

"Kemudian kementerian akan berbincang dengan penyedia perkhidmatan berkenaan untuk pembinaan menara bagi menyediakan liputan di kawasan itu," katanya ketika menjawab soalan Datuk Nawawi Ahmad (BN-Langkawi) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Nawawi ingin tahu rancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah 'drop call' di kawasan lebuh raya dan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan capaian internet.

Jailani berkata kementerian dan SKMM juga kini dalam perancangan untuk melaksanakan sistem FTTH untuk meningkatkan capaian internet berkelajuan tinggi di seluruh kawasan termasuk di pedalaman.

Beliau berkata kementerian sedang berbincang dengan syarikat penyedia perkhidmatan untuk mengenal pasti teknologi paling sesuai untuk melaksanakan sistem berkenaan.

Menjawab soalan Anuar Abd Manap (BN-Sekijang) mengenai usaha kementerian menangani masalah liputan mudah alih yang rendah di kawasan luar bandar, Jailani berkata sejak 2009 sebanyak 664 menara telekomunikasi telah dibina di seluruh negara dan daripada jumlah itu sebanyak 137 menara dibina di Sabah dan 176 di Sarawak.

"Dengan pembinaan itu peningkatan kadar liputan populasi seluruh negara telah berjaya ditingkatkan daripada 82 peratus kepada 96.89 peratus pada suku pertama 2013.

"Manakala sebanyak 336 menara baharu sedang dibina dan kadar liputan populasi selular negara akan mencapai 97 peratus apabila kesemua menara ini siap dibina kelak," katanya.

Pelaksanaan program di bawah Program Time 3 itu dibiayai melalui Dana Pemberian Perkhidmatan Sejangat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=960569>

